

KEPIMPINAN RASULULLAH SAW DALAM MENYATUPADUKAN UMMAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *Subhanahu wa Taala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa beroleh rahmat dan keredhaan hidup di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa Taala*,

Allah *Subhanahu wa Taala* menerusi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara khususnya telah menjelaskan kehendak-Nya kepada umat manusia bahawa Dia menyukai perpaduan dan membenci segala bentuk perpecahan. Firman-Nya di dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
 أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ
 النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا ۗ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara, dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

Ayat ini menyeru umat manusia menjalani tanggungjawab menyatupadukan ummah dan dilarang dari berpecah belah. Dengan kata lain Islam melarang sebarang perkara atau tindakan yang boleh membawa kepada perpecahan.

Ingatlah bahawa umat yang bersatu-padu, menghasilkan kejayaan yang luar biasa. Kejayaan yang cemerlang akan dapat dicapai. Firman Allah *Subhanahu wa Taala* dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
 عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
 وَرَسُولَهُ ۗ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Yang bermaksud: *“Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teras perpaduan ummah telah memberi contoh yang terbaik kepada kita. Baginda mengambil langkah mempersaudarakan umat Islam menerusi ikatan ukhuwwah sesama Islam. Kaum Aus dan Khazraj yang telah lama bersengketa berjaya didamaikan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memperteguhkan kewajipan memelihara hubungan persaudaraan yang menjana kepada perpaduan dan kesatuan ummah.

Baginda juga berupaya menukar gaya hidup masyarakat jahiliah daripada kufur kepada beriman, permusuhan kepada persaudaraan, kekejaman kepada kasih sayang, pemalas kepada bangsa yang rajin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Marilah kita menghidupkan semangat perpaduan dan jauhilah permusuhan sesama Islam pada setiap masa. Contohnya, hindarkanlah daripada mengambil bahagian dan perarakan yang berunsurkan provokasi yang tidak menguntungkan umat Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membina perpaduan dengan mendirikan masjid dan mengajak seluruh penduduk Madinah untuk berjemaah yang merupakan kaedah yang dipandang remeh oleh umat Islam sedangkan inilah

permulaan bagi membentuk perpaduan umat Islam. Dengan itu, ajaklah ahli keluarga kita seluruhnya untuk menunaikan solat secara berjemaah setiap waktu terutamanya pada waktu Subuh. Sabda Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

“Barangsiapa yang solat subuh (berjemaah) maka dia berada dalam pemeliharaan (keamanan) daripada Allah. Oleh karena itu,(jangan menentangnya iaitu mengganggu keamanan yang dikurniakan Allah kepadanya) kerana jangan sampai Allah menuntut balik keamanan itu dengan sesuatu. Nescaya, Allah pasti akan menelungkupkan wajahnya ke dalam neraka jahannam.”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَتَزَعَوْا فَنَفْسُكُمُ وَأَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ
الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud: *“Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah kamu; sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.